

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN
HAJI IBRAHIM [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 1 DISEMBER 2015 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan gaji minimum kakitangan awam yang mana kadar kenaikan gaji tahunan dikatakan tidak seimbang dengan kadar kenaikan kos sara hidup yang pantas sehingga mereka khususnya kakitangan sokongan iaitu kumpulan penjawat awam rendah terpaksa bergelut dengan keadaan semasa.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dari semasa ke semasa menjalankan kajian dan semakan terhadap gaji penjawat awam secara keseluruhannya yang turut meliputi gaji penjawat awam di peringkat rendah/kumpulan sokongan. Sehubungan itu, melalui pengumuman Bajet Tahun 2016, Kerajaan bersetuju untuk menaikkan gaji gaji permulaan terendah Perkhidmatan Awam kepada **RM1,200.00 sebulan** yang akan dilaksanakan mulai **1 Julai 2016**.

Di samping itu, Kerajaan turut mengkaji elaun dan kemudahan lain. Mulai 1 November 2015, Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan kadar Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) termasuk kepada Kumpulan Pelaksana pada kadar minimum RM300 sebulan. Bagi pegawai yang mendiami kuarters pula, mereka menerima 25% daripada kadar kelayakan ITP yang diterima.

Penambahbaikan ini telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 2015 - Imbuhan Tetap Perumahan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan.

Sekian, terima kasih.